

Cukai instrumen kewangan untuk pembangunan, kemakmuran negara

● Zakat wajib ke atas umat Islam untuk membantu lapan golongan asnaf, manakala cukai dibolehkan untuk kemaslahatan umum dan pentadbiran negara

● Menjadi tanggungjawab dan kewajipan bersama seluruh warganegara membayar cukai kerana ia juga mampu menghasilkan kebaikan dan pahala serta pembangunan untuk dinikmati semua



Oleh Dr Abu Hafiz Salleh Hudin
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian
Quran & Sunnah
Abdul Hamid
AbuSulayman,
Kulliyah Ilmu
Wahyu & Sains
Kemanusiaan,
Universiti Islam
Antarabangsa
Malaysia (UIAM)

Dalam Islam, terdapat beberapa kaedah pengumpulan harta awam untuk digunakan bagi kepentingan ditetapkan syarak, antaranya zakat berfungsi dengan diam-bil sejumlah harta seseorang Muslim yang layak dan diagihkan kepada kumpulan berhak seperti ditetapkan dalam al-Quran dan sunah.

Sejak pemerintahan Nabi Muhammad SAW, zakat berkembang luas, sama ada melalui kaedah pengumpulan atau pengagihannya. Melalui khazanah kesarjanaan fiqh Islam yang luas, zakat dapat dimanfaatkan kepada pecahan dalam lapan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, al-riqab, al-gharimin, fi sabilillah dan ibn sabil.

Kewajipan membayar zakat sangat penting dalam Islam kerana ia satu daripada Rukun Islam dan khalifah Islam pertama, Sayidina Abu Bakar al-Siddiq memutuskan untuk memerangi kumpulan yang mahu berhenti membayar zakat selepas kewafatan Nabi SAW pada tahun ke-11 Hijrah.

Fungsi zakat yang utama, selain membersihkan harta kumpulan masyarakat Muslim dikategorikan kaya, terbukti membantu kumpulan Muslim lain yang memerlukan bantuan untuk keluar dari daerah kemiskinan atau bebanan kewangan. Namun, penggunaan dana zakat adalah terhad kerana penerima manfaat zakat sudah ditetapkan oleh nas al-Quran dan Sunah walaupun terdapat peluasan ruang penerima manfaat itu melalui ijtimah semasa sarjana moden Islam.

Bagi mendepani keperluan pembangunan dan pentadbiran negara, terdapat beberapa instrumen kewangan, selain zakat dibincangkan sarjana Muslim sejak kurun kelapan Hijrah, antaranya percukaian, membawa maksud bayaran dikenakan kerajaan terhadap individu, syarikat atau barang untuk perbelanjaan negara.

Hukum percukaian dalam Islam menjadi perdebatan antara sarjana Muslim, sama ada ia dilarang dikutip atau diharuskan untuk kerajaan memungutnya. Antara nama besar sarjana silam dan kontemporari melarangnya adalah Ibn Muflih, al-Hijawi, Ibn Hajar al-Haithami dan Mulla 'Ali al-Qari, serta beberapa fatwa di Arab Saudi dan Brunei.

Namun, bagi sejumlah sarjana Muslim lain menyatakan kerajaan dibolehkan melaksanakan dasar percukaian selagi ia bertujuan memenuhi kemaslahatan awam serta menyokong fungsi asas pentadbiran negara.

Mereka seperti Ibn Hazm al-Andalusi, Ibn Taimiyyah, al-Syatibi dan Ibn Khaldun. Sarjana kontemporari menilai keharusan pelaksanaan dasar percukaian dalam negara Islam seperti Mahmud Syaltut, Muhammad al-Ghazali, Abu al-A'la al-Maududi, Yusuf al-Qaradhawi dan Ahmad al-Raysuni.

Penilaian dibuat bukan sekadar kefahaman mereka terhadap dalil, tetapi realiti semasa pentadbiran sesebuah negara. Istinbat iaitu proses penetapan hukum syarak yang dilakukan mereka

adalah dengan memahami firman Allah SWT dalam surah at-Taubah, ayat 41 dan surah al-Kahfi, ayat 94.

Kewajipan keluaran harta

Wujud petunjuk dan isyarat kewajipan mengeluarkan harta bagi kepentingan awam, selain instrumen zakat pada kedua ayat berkenaan. Pada masa sama, terdapat satu riwayat disandarkan kepada Nabi SAW berkenaan wujudnya hak lain dalam harta seseorang selain zakat, seperti diriwayatkan Imam Tirmizi.

Sungguhpun riwayat ini dinilai daif, ia disokong dengan mafhum kenyataan sama dengan sanad sahih daripada ramai kalangan sahabat dan tabiin seperti Saiyidina Umar al-Khattab, Sayidina Ali Abi Talib, Aisyah, Hasan al-Basri dan Ibrahim al-Nakhaie.

Oleh itu, al-Syatibi menyimpulkan: "Jika seseorang pemimpin ditaati rakyatnya berha-jat menambah bilangan tentera untuk menjaga perbatasan negara serta memelihara kestabilan kuasa semakin luas kepada tanah jajahan lain, sedangkan sumber perbendaharaan negara dalam Baitul Mal tidak mencukupi, serta keperluan

tentera semakin meningkat dan perbelanjaan tidak mencukupi, maka pemimpin dengan syarat beliau seorang yang adil boleh mengenakan cukai kepada rakyat kaya bagi memenuhi keperluan berkenaan."

Sambung al-Syatibi lagi: "Isu ini perlu dibahas-kan dan masalah dalam isu ini adalah jelas. Jika pemimpin zaman kini tidak menggunakan sistem seperti ini (percukaian), maka kuasa pemimpin akan tergugat, negara Islam terdedah kepada penguasaan kafir (musuh). Dengan syarat kuasa dimiliki pemimpin itu digunakan secara adil."

Fungsi percukaian meliputi keperluan dan pembangunan negara secara komprehensif, berbanding kebenaran menggunakan dana zakat lebih terhad, walaupun kedua-duanya mempunyai persamaan fungsi dan objektif.

Menjadi satu tanggungjawab dan kewajipan bersama bagi seluruh warganegara melunaskan pembayaran cukai kerana ia juga mampu menghasilkan kebaikan dan pahala serta pembangunan yang dinikmati semua.

Pada masa sama, komitmen Kerajaan MADANI melalui pengulangan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merangkap Menteri Kewangan dalam menitikberatkan tatakelola kewangan negara sangat dialu-alukan.

Maka, keseimbangan tanggungjawab rakyat membayar cukai dan tanggungjawab kerajaan menggunakan duit percukaian rakyat dengan berhemat tanpa boros serta ketirisan sangat diperlukan supaya keharmonian, kerjasama dan pembangunan negara dapat dicapai.

Kemuncaknya, adalah ke arah menjadi Malaysia memenuhi ciri negara digambarkan dalam surah Saba' ayat 15 bermaksud: "(negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengam-pun".

“Fungsi zakat yang utama, selain membersihkan harta kumpulan masyarakat Muslim dikategorikan kaya, terbukti membantu kumpulan Muslim lain yang memerlukan bantuan untuk keluar dari daerah kemiskinan atau bebanan kewangan”

